

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SAU202 - Kemiskinan dan Ketidaksamaan

Masa: [2.30 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Soalan Bahagian A WAJIB dijawab dan pilih DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (SOALAN WAJIB)

1. Syarikat Transnational merupakan fenomena yang terkemuka di negara-negara sedang membangun sejak dekad tujuhpuluhan. Beri pengertian anda mengenai Syarikat Transnational dan apakah pengaruh dan kesan syarikat-syarikat ini ke atas proses perindustrian, pembangunan dan corak hidup masyarakat itu.

(40 markah)

Bahagian B (Jawab DUA (2) soalan sahaja)

2. Bincangkan pendekatan-pendekatan (fungsionalisme, Marx dan Weber) mengenai stratifikasi sosial; dengan menggunakan pendekatan yang paling sesuai (bagi pandangan anda) buat analisa tentang stratifikasi sosial di Malaysia.

(30 markah)

...2/-

3. Kemiskinan di Malaysia berpunca dari beberapa sebab. Apakah punca-punca itu dan pilih satu sektor kemiskinan untuk penghuraian selanjutnya.

(30 markah)

4. Di dalam perhuraian stratifikasi sosial, faktor jantina tidak dititik beratkan. Bagaimanakah kita boleh menghuraikan kedudukan kaum wanita dari segi kelas terutamanya di dalam konteks masyarakat kita.

(30 markah)

5. Ketidaksamaan itu berkaitan rapat dengan faktor ekonomi dan politik. Bincangkan dalam konteks Malaysia kaitan ekonomi dengan politik (dan kuasa) yang boleh menyumbang kepada stratifikasi tertentu.

(30 markah)

6. Pembentukan sosial (social formation) dan pasaran buruh di Malaysia banyak mencerminkan pembahagian mengikut kaum dan jantina. Huraikan proses pembentukan masyarakat dan pasaran buruh ini.

(30 markah)